

# Harga barang di Xiamen tak semurah mana

Sesampai di Xiamen, iaitu sebuah pulau China, perkara paling jelas diperhatikan ialah harga barangan, terutama makanan dan barangan bayi. Antara yang paling mahal ialah susu formula bayi dan lampin pakai buang. Saya yang membawa anak berusia 2 tahun bersama-sama pengembaraan dua bulan di bumi Xiamen ini tidak menyangka ada beberapa benda yang dijual dengan harga sangat tinggi berbanding Malaysia.

Pada mulanya, saya menyangka isu barangan mahal tidak akan berlaku kerana Xiamen adalah sebahagian dari China yang kita semua ketahui mengekspor begitu banyak barangan berharga rendah ke Malaysia.

Namun, sangkaan itu meleset apabila tiba di Xiamen dan hampir kehabisan lampin pakai buang. Lampin pakai buang jenama antarabangsa dijual pada harga sangat tinggi iaitu mencapai 120 yuan (RM80) untuk 120 keping.

Selain itu, susu formula berjenama antarabangsa juga dijual dengan harga yang sangat mahal. Susu formula untuk bayi umur 12 hingga 36 bulan misalnya dijual pada harga 248 yuan (RM170) untuk satu tin seberat 900 gram. Di Malaysia, barang yang sama dijual dalam harga RM100-120 sahaja setin.

Harga makanan asas resipi Malaysia juga mahal seperti bawang dan tepung. Harga tepung termurah ialah RM10 untuk sekilo, manakala bawang pula dijual dalam kuantiti kecil, iaitu dua biji bawang besar berharga 4 yuan (kira-kira RM2.50). Kentang goreng di restoran makanan segera bersaiz besar juga mahal iaitu 12 yuan atau RM8.

## Fenomena baharu

Namun, kenaikan harga ini mungkin fenomena baharu di Xiamen kerana saya ada terbaca blog pelajar dari Barat yang pernah belajar atau melancong di Xiamen dan mendapati analisis mereka jauh lebih murah daripada keadaan sebenar di Xiamen. Analisis bukan dibuat berdasarkan keuntungan mereka dari segi tukaran wang asing, tetapi berdasarkan harga barangan di Xiamen.

Blog itu ditulis pada 2009 dan 2010 tetapi rata-rata menyatakan kos sara hidup di sini adalah rendah. Faktor membeli barangan seharian di pasar raya juga menjadi salah satu faktor penting yang boleh dikaitkan dengan harga yang tinggi. Namun, blogger ini juga tidak boleh berbahasa Mandarin dan turut membeli barangan di pasar raya dan harga barangan di pasar raya di sini jauh lebih mahal kerana cukai im-

port yang tinggi dikenakan oleh Kerajaan China.

Tidak dapat dipastikan bilakah harga barangan di Xiamen mula mahal, tetapi yang nyata keadaan itu sangat dirasakan setelah nilai ringgit kita semakin rendah. Hal ini diakui pelajar Malaysia di Universiti Xiamen yang menuntut dalam bidang perubatan Cina. Dia yang perlu berada di Universiti Xiamen untuk beberapa tempoh sepanjang pengajiannya di peringkat diploma dan ijazah menyatakan dia sangat terkesan apabila ringgit menjunam

baru-baru ini berbanding ketika dia di Universiti Xiamen dalam tempoh pengajian diploma kerana harga barangan tidak begitu membebankan.

Namun, ada sesetengah barangan seperti syampu dan sabun berharga lebih kurang sama dengan Malaysia selepas potongan harga. Misalnya, syampu berjenama tertentu saiz besar berharga 41 yuan selepas jualan murah ia-

itu kira-kira RM28. Jika tidak, harganya lebih tinggi, namun masih lebih kurang sama dengan di Malaysia.

Antara barang berharga lebih murah daripada Malaysia yang boleh dijumpai di pasar raya ialah buah anggur dan sotong kering. Buah anggur di sini dijual dengan harga 5 yuan (RM7) bagi 500 gram. Harga sotong kering pula ialah 30 yuan (RM40) bagi 500 gram.

## Harga tambang bas murah

Tambang bas juga rendah di sini. Semua bas mengenakan tambang pukul rata 1 yuan sehala. Bagi mereka yang membeli kad bas terlebih awal, perjalanan sehala boleh menjadi serendah 0.80 yuan atau 50 sen. Namun, tambang teksi sangat tinggi jika dibandingkan dengan tambang bas.

Walaupun menggunakan meter, perjalanan sehala yang mengambil masa 10-15 minit yang hanya dikenakan tambang 1 yuan jika mengambil bas boleh mencapai 20 hingga 30 yuan. Kesimpulannya, pengetahuan bahasa Mandarin sangat penting untuk membolehkan hidup dengan lebih selesa di China, memandangkan rakyat China yang tidak belajar sehingga ke peringkat universiti boleh dikatakan tidak boleh berbahasa Inggeris langsung dan ini menyukarkan proses jual beli dengan warga asing seperti saya.

## Penulis

ialah Profesor Pelawat, Sekolah Kewartawanan dan Komunikasi, Universiti Xiamen, China yang juga Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia.



DR SITI SURIANI  
OTHMAN